

Kejatuhan harga minyak tidak jejas pertumbuhan

UM 17/11

KUALA LUMPUR 16 Nov. - Kejatuhan harga minyak dunia tidak akan menjejaskan pertumbuhan ekonomi Malaysia pada 2019 mengambil kira kepelbagaian ekonomi dan struktur eksport yang pelbagai di negara ini.

Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Datuk Nor Shamsiah Mohd. Yunus berkata, pasaran kewangan yang mendalam turut membolehkan negara untuk menyerap aliran modal pertengahan.

Katanya, sektor bukan komoditi menyumbang lebih 18 peratus daripada ekonomi manakala sektor perlombongan hanya 8.4 peratus, justeru kesan ke atas pertumbuhan adalah terkawal.

empat peratus," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Mengenai ketegangan perdagangan global, Nor Shamsiah berkata, turun naik pasaran kewangan dan gangguan yang tidak dijangka dalam pengeluaran komoditi boleh menjadi cabaran kepada ekonomi Malaysia.

"Perang dagangan AS-China boleh mengurangkan eksport Malaysia sehingga kepada 2.7 mata peratusan di bawah senario kes terburuk, kesan industri berorientasikan eksport dan mengurangkan pertumbuhan KDNK," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, pengukuhan dolar AS ketika ini bukan hanya menjejaskan mata wang tempatan,

“Walau bagaimanapun, harga minyak yang lebih rendah akan memberi sokongan positif kepada penggunaan yang lebih tinggi menerusi penurunan harga minyak dan pendapatan boleh guna yang lebih tinggi.

“Pada 2015, harga minyak jatuh kepada AS\$40 setong (RM167.64) dan ringgit menyusut hampir 30 peratus, tetapi ekonomi Malaysia terus mencatat pertumbuhan melebihi

tetapi juga negara lain dan pihaknya menjangkakan mata wang serantau termasuk ringgit akan terus menyusut.

“Meskipun begitu, Malaysia memiliki pasaran kewangan yang besar dan bilangan pelabur institusi tempatan yang banyak dan kukuh, ia akan memastikan penyesuaian berkala dalam kedua-dua pasaran tukaran mata wang asing dan dalam mata wang kita,” katanya.